

# Kaji semula peranan kesatuan sekerja — PM

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## KAJI SEMULA PERANAN KESATUAN SEKERJA

1991

KUALA LUMPUR 20 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak kesatuan sekerja mengkaji semula peranan mereka bagi menjayakan wawasan menjadikan Malaysia negara maju menjelang 2020 untuk membolehkan pekerja negara ini menikmati taraf hidup yang sama dengan pekerja di negara maju.

Perdana Menteri berkata untuk mencapai matlamat itu para pekerja mestilah bekerja lebih kuat, rajin, teratur dan disiplin serta mencontohi pendekatan negara miskin yang berjaya menjadi maju.

"Kita bukan bertujuan untuk berbangga dalam usaha kita untuk mencapai taraf negara maju, tetapi kita ingin mendapat kehidupan bahagia, setaraf dengan bangsa-bangsa lain," tegasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Perhimpunan Perpaduan sempena Hari Pekerja di Stadium Negara hari ini. Lebih 6,000 pekerja sektor swasta dan

Oleh  
**Zaharuddin Mohd. Ali**

kakitangan kerajaan menghadiri perhimpunan seumpama itu yang pertama kali pernah diadakan.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah antara perkara yang perlu dikaji semula ialah apakah kesatuan sekerja hanya untuk mendesak majikan meningkatkan upahan pekerja melalui tindakan perusahaan.

Beliau bertanya: "Tidakkah kesatuan sekerja boleh menolong meningkatkan pendapatan pekerja dengan menolong meningkatkan daya pengeluaran mereka?"

"Tidakkah keharmonian industri, dengan mengurangkan gangguan terhadap barang-barang atau keluaran khidmat akan menolong meningkatkan daya pengeluaran dan menjayakan ekonomi?"

"Apakah negara yang selalu

LIHAT MUKA 2

1991  
mengadakan mogok berjaya memberi kehidupan bahagia kepada pekerjanya? Tidakkah negara yang maju sekalipun mengalami kemerosotan ekonomi apabila keharmonian industri tidak wujud?"

Sehubungan dengan itu beliau mengingatkan para pemimpin kesatuan sekerja tempatan supaya jangan mudah terpedaya dengan simpati pura-pura kesatuan sekerja asing.

Katanya, kecenderungan kesatuan sekerja negara maju mengadakan hubungan yang rapat dengan kesatuan sekerja negara yang pesat membangun sejak akhir-akhir ini bukan kerana bersimpati dengan pekerja, tetapi sebaliknya untuk mengurangkan daya saingan dengan barangan keluaran mereka.

Menurut beliau, usaha-usaha kesatuan sekerja asing itu dibuat dengan menghasut pekerja di negara - negara tertentu mengadakan tuntutan yang keterlaluan dan menyekat keluaran barangan melalui mogok dan lain-lain tindakan perusahaan.

Malangnya, beliau menegaskan, terdapat pemimpin kesatuan sekerja yang tertarik dengan layanan yang mereka berikan dan sanggup membelakangkan kepentingan negara dan pekerja sendiri mengikut telunjuk pemimpin kesatuan asing.

"Pemilihan pemimpin kesatuan sekerja dari negara membangun untuk mengetuai gabungan kesatuan antarabangsa adalah bertujuan untuk mempengaruhi iklim ekonomi di negara membangun tertentu di mana ini bukanlah satu penghormatan," tegas beliau.

Perdana Menteri menambah, ketika negara maju membangun dengan pesat, mereka tidak diganggu tetapi bahan mentah di negara ini yang murah serta

bayaran upah pekerja yang murah telah menolong membangunkan kejayaan mereka.

"Selain dari mengenakan berbagai sekatan, mereka juga menghasut kesatuan sekerja kita supaya barangan kita tidak dapat bersaing dengan barangan mereka dan kita terus kekal sebagai negara membangun.

"Dengan itu, pekerja mereka akan menikmati kekayaan manakala pekerja kita mendapat upah yang amat rendah atau manganggur," tegas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, semua pihak seharusnya sedar tentang keputeraan - puteraan simpati yang ditunjukkan oleh kesatuan sekerja asing kepada kesatuan sekerja negara sedang membangun.

### Kesempatan

Serentak dengan itu beliau mengingatkan para majikan supaya tidak mengambil kesempatan daripada keharmonian industri (*industrial peace*) yang wujud ini untuk menindas para pekerja dan tidak memberi upah yang berpatutan.

Dalam hubungan ini, katanya, tanggungjawab kerajaan menjadi penting kerana ingin memastikan pembayaran upah dibuat selaras dengan peningkatan daya pengeluaran.

Beliau menegaskan, pendapatan yang baik di Malaysia boleh dibuktikan dengan terdapatnya begitu ramai pekerja asing yang sanggup menghadapi bermacam - macam masalah untuk menyeludup diri ke Malaysia berbanding dengan begitu kurangnya pekerja tempatan yang sanggup ke negeri lain untuk

mencari kerja.

Katanya kerajaan sebagai majikan membayar sejumlah kira-kira \$1,616 juta setahun sebagai gaji kepada para pegawai tingginya manakala \$6,440 juta setahun kepada kakitangan yang lain.

Wang yang dibelanjakan ini, katanya, akan membolehkan perniagaan yang kecil dan besar mendapat langganan, keuntungan, memenuhi secara tidak langsung tabung cukai kerajaan dan meneruskan pelaburan yang mewujudkan peluang pekerjaan bagi rakyat yang belum bekerja.

"Lebih tinggi pendapatan pekerja, lebih banyak mereka berbelanja dan ia akan menyebabkan lebih cergas kegiatan ekonomi dan pertumbuhannya.

"Sebab itulah kerajaan mahu melihat pendapatan pekerja meningkat asalkan tidak merugikan majikan atau menyekat majikan daripada melabur sebahagian daripada keuntungan mereka dalam perusahaan dan perniagaan yang boleh menambah peluang perniagaan," jelas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Perhimpunan yang bertema 'Perpaduan Teras Kemakmuran' turut dihadiri oleh Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, timbalannya, Dato' M. Mahalingam, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, para eksekutif swasta dan pemimpin kesatuan sekerja.

Bacaan ikrar oleh pekerja - pekerja telah diketuai oleh Puan Juniwati Rahmat Hussin, Tokoh Khidmat Cemerlang Petronas.

Perdana Menteri kemudian telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang pertandingan mencipta slogan dan pakaian seragam.